



Rujukan :
Reference : MITI/STS/(S)/10-109 ()
Tarikh :
Date : 5 Julai 2011

Segera melalui faks

**Puan Zulina Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Tower 3, Avenue 5, The Horizon
No.8, Jalan Kerinchi, Bangsar South
59200 KUALA LUMPUR**

Puan,

**TARIKH PENGAKTIFAN SISTEM e-PERMIT (STA) DI BAWAH AKTA
PERDAGANGAN STRATEGIK 2010**

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan mulai 1 Julai 2011, penggunaan sistem e-Permit (STA) adalah dikuatkuasakan bagi Sistem Pendaftaran dan Permohonan Permit secara *online* untuk kesemua agensi pelulus iaitu:

- a) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- b) Lembaga Pelesenan Tenaga Atom;
- c) Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan; dan
- d) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

3. Pemohon permit yang terlibat di dalam aktiviti berkenaan eksport, pemindahan dan membawa dalam transit barang strategik atau barang tidak senarai dan aktiviti terhad adalah diminta berdaftar dengan Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. agar permohonan dapat dilakukan secara *online*.

4. Sehubungan itu, kerjasama sepenuhnya daripada pihak puan adalah dipohon untuk memastikan sistem tersebut berjalan dengan lancar dan melaksanakan sebarang penambahbaikan ke atas sistem tersebut.

5. Kerjasama dan perhatian pihak puan dalam menjayakan pelaksanaan STA didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'

A handwritten signature in blue ink, consisting of several overlapping loops and a long horizontal stroke at the end.

(MOHAMMAD SHAHABAR ABDUL KAREEM)

Pengawal Perdagangan Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri